C Pilih ayat yang betul.

1 Encik Chong telah habis menjual ikan-ikannya di pasar.

A Encik Chong telah ke pasar untuk menjual habis ikan-ikannya.

B Encik Chong telah dijual habis di pasar oleh ikan-ikannya.

C Ikan-ikan Encik Chong telah habis dijual di pasar.

D Encik Chong telah menjual ikan-ikannya habis di pasar.

2 Kelapa dikopek oleh ayah menggunakan parang Pak Cik Hon.

A Ayah menggunakan parang Pak Cik Hon untuk mengopek kelapa.

B Kelapa dikopek oleh Pak Cik Hon menggunakan parang ayah.

C Ayah dikopek oleh Pak Cik Hon menggunakan parangnya.

D Pak Cik Hon dikopek kelapa menggunakan parang ayah.

3 Lori itu telah melanggar tembok rumah Puan Jamie.

A Lori itu telah melanggar Puan Jamie dan tembok rumahnya.

B Lori Puan Jamie telah melanggar tembok rumahnya.

C Tembok rumah Puan Jamie telah dilanggar oleh lori itu.

D Tembok rumah dan Puan Jamie telah dilanggar oleh lorinya.

4 Sampah sarap itu akan kami tanam petang nanti.

A Kami akan ditanam sampah sarap petang nanti.

B Petang nanti sampah sarap menanam kami.

C Kami akan menanam sampah sarap itu petang nanti.

D Sampah sarap itu menanam kami petang nanti.

5 Encik Leong memberitahu kepada para pelancong bahawa tempat itu terkenal dengan tanaman lada hitam.

A Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong bahawa lada hitam ditanam di sini.

B Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong bahawa tempat itu terkenal dengan tanaman lada hitam.

C Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong tentang cara-cara lada hitam ditanam.

D Semua pelancong telah diberikan keterangan tentang lada hitam yang terkenal di tempat itu.

LIVEWORKSHEETS